

05/05/1998

## Larang kegiatan murtadkan Muslim

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Tertinggi (MT) Umno yang membincangkan isu kebebasan agama, memutuskan bahawa kegiatan pihak tertentu menukar agama orang Islam dilarang sama sekali di negara ini.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata walaupun perlembagaan negara menyatakan wujudnya kebebasan beragama di negara ini, rakyat Islam tidak boleh disentuh dan dipengaruhi untuk menukar agama.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno malam ini, Perdana Menteri menegaskan tidak boleh ada sebarang percubaan menukar agama rakyat beragama Islam, walaupun kadangkala ia berlaku akibat cinta atau faktor lain.

"Dalam mesyuarat kali ini saya menjelaskan mengenai kebebasan beragama di Malaysia, yang mana ia sebahagian perlembagaan negara.

"Kita menentukan semua agama di Malaysia bebas (dianuti) tetapi agama Islam tidak boleh disentuh, dan tidak boleh ada percubaan menukar agama Islam," katanya selepas mesyuarat tiga jam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), malam ini.

Turut hadir, Timbalan Presiden, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Setiausaha Agung, Datuk Sabbaruddin Chik; dan Naib-naib Presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Difahamkan, sejak 1994 hingga Mei 1997, seramai 519 penganut Islam di negara ini, termasuk 55 rakyat Malaysia memohon menukar agama. Daripada 55 rakyat tempatan itu, 18 orang memohon menganut Kristian, 18 lagi memilih agama Hindu dan selebihnya mahu menganut agama Buddha.

Perdana Menteri berkata, bagi agama asing pula, kerajaan akan memberi tempat untuk mereka melakukan amalan termasuk mendirikan rumah ibadat.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menjelaskan, jika rumah ibadat berkenaan dibina di kawasan yang tidak mendapat kelulusan rasmi, kerjasama daripada penganut agama berkenaan diperlukan untuk memindahkan rumah ibadat berkenaan.

"Pemindahan itu perlu dibuat secara teratur supaya tidak menyinggung perasaan penganut agama yang terbabit. Kita khuatir mungkin ada pihak yang mengambil tindakan secara tidak tersusun untuk memindahkan kuil ini," katanya.

Menurut beliau, MT Umno turut sependapat supaya kawasan untuk rumah ibadat selain Islam, mestilah diadakan apabila perlu di kawasan perumahan atau kediaman di seluruh negara.

Perdana Menteri berkata, MT turut berbincang panjang lebar mengenai isu ekonomi, dan beliau akan bertemu pengarang media massa tempatan esok untuk memberi penerangan mengenai tindakan yang akan diambil kerajaan.

Selain itu, Dr Mahathir turut menyatakan tawaran Tun Ghafar Baba untuk memberi penerangan mengenai masalah ekonomi di negara ini.

"Tawaran beliau itu jangan ditafsirkan sebagai comeback kid. Ini adalah sumbangan ikhlas Ghafar yang berpendapat beliau mempunyai masa untuk memainkan peranan dan menyumbang menangani masalah ekonomi," katanya.

Dr Mahathir turut mengumumkan keputusan MT Umno memecat bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Mohd Salleh daripada Umno kerana menjadi ahli parti lain.

Harris yang menjadi ahli sebuah cawangan dalam Umno Bahagian Wilayah Persekutuan Labuan, pada Mac lalu secara rasmi mengambil alih kepimpinan Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (Bersekutu), sebuah parti kecil yang kurang dikenali.

"Kita tidak benar ahli Umno menjadi ahli parti lain. Dia ni (Harris) menjadi ahli parti lain sebab itu dia dipecat," katanya sambil berkata beliau akan ke Sabah pada 7 Mei ini, untuk membincangkan mengenai siapa yang akan mengambil alih jawatan Ketua Menteri Sabah.

MT Umno juga mengumumkan wakil MT ke Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita Umno, dengan Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Wira Mohd Ali Rustam dan Datuk Ibrahim Ali mengawasi perjalanan Pemuda.

Bagi persidangan Wanita pula, wakil MT ialah Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali dan Tan Sri Abdul Hamid Pawanteh.

Ditanya sama ada isu pertubuhan bukan kerajaan yang memberi maklumat kepada media asing ditimbulkan dalam MT, Perdana Menteri menjelaskan ia ditimbulkan, tetapi tidak boleh didedahkan kerana tidak ada bukti kukuh.

(END)